



**PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH
SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(PEKDIS CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
2 jam 30 minit**

1223/1

**PERATURAN PEMARKAHAN
PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1
1223/1**

No. Soalan			PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
1	(a)	(i)	<p><u>Maksud menjauhi perbuatan dan perkataan yang sia-sia:</u> (Apakah)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang tidak mendatangkan faedah (1m) / perkara yang merosakkan akhlak.(1m) 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>
		(ii)	<p><u>Dua contoh perkara sia-sia bagi setiap aspek berikut:</u> (Nyatakan)</p> <p>a) Perbuatan: (2 isi x 1m)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melepak - Merokok - Leka bermain peranti/gajet <p>b) Perkataan: (2 isi x 1m)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mencarut - Berbual kosong 	<p>[4 markah]</p> <p>4 isi x 1m</p>
		(iii)	<p><u>KBAT:</u> <u>(Gambar merempit)</u> Gelagat remaja ketika berada di atas jalan raya.</p> <p><u>Huraikan langkah yang berkesan bagi menangani masalah tersebut.</u></p> <p><u>Cadangan Isi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Kempen kesedaran - Ketatkan undang-undang - Bacaan dalam khutbah - Nasihat secara berhemah 	<p>[4 markah]</p> <p>Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m</p>
	(b)	(i)	<p><u>Pengertian kalimah bergaris:</u> (Nyatakan)</p> <p>(i) Memberi kepadanya.</p> <p>(ii) Menolaknyanya.</p>	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>
		(ii)	<p><u>Dua kelebihan berdikari:</u> (Jelaskan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Agama: Menjadikan Islam dipandang tinggi. - Ekonomi: Mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal. - Pendidikan: Melahirkan modal insan yang berkepakaran tinggi. - Kemasyarakatan: Memperkasakan daya saing masyarakat. <p>(Jawapan munasabah diterima)</p>	<p>[2 markah]</p> <p>2 isi x 1m</p>

No. Soalan		PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
	(iii)	<p><u>Dua pengajaran hadis di atas:</u> (Terangkan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah memandang mulia kepada pekerjaan yang halal (1m) / walaupun hasilnya sedikit.(1m) - Kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta dan bergantung kepada orang lain (1m) / demi memelihara kemuliaan dan maruah diri. (1m) - Kita hendaklah mencari ilmu dan kemahiran (1m) / untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik.(1m) - Kita hendaklah membantu orang yang memerlukan pertolongan mengikut keupayaan(1m) / agar hidup dirahmati.(1m) 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m I : 1m H : 1m</p>
	(c)	<p><u>Hukum mad lazim kalimi bagi perkataan bergaris di bawah:</u></p> <p>(i) Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf. (ii) Mad Lazim Kalimi Musaqqal.</p>	<p>[2 markah]</p> <p>2 isi x 1m</p>
2	(a)	<p>(i) <u>Takrif ajaran sesat:</u> (Nyatakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam (1m) / sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunah.(1m) 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>
	(ii)	<p><u>Dua ciri ajaran sesat dari segi akidah:</u> (Jelaskan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengaku menjadi nabi atau rasul. - Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam al Mahdi. - Mendakwa gurunya dapat menebus dosa. - Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan - Mempercayai semua agama benar dan menuju ke Syurga - Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin. 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m</p>

No. Soalan		PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
	(iii)	<p><u>Dua cara menjauhi ajaran sesat:</u> (Terangkan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah. - Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya. - Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunah. - Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat. - Berdoa memohon petunjuk agar sentiasa berada di jalan yang benar. - Bertaubat kepada Allah SWT atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat. 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m I : 1m H : 1m</p>
(b)	(i)	<p><u>Sejarah aliran Syiah:</u> (Nyatakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali bin Abu Talib r.a dilantik sebagai khalifah selepas Rasulullah SAW (1m) / dan berkeyakinan bahawa hanya ahlul bait sahaja yang lebih layak memegang jawatan khalifah.(1m) 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>
	(ii)	<p><u>Dua prinsip utama aliran Syiah:</u> (Jelaskan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Meyakini bahawa al-Imamah merupakan rukun agama dan telah ditentukan oleh Allah SWT melalui lisan rasulnya secara nas. - Meyakini bahawa imam-imam adalah maksum iaitu terpelihara daripada dosa kecil dan besar. - Menyanjung Sayyidina Ali r.a secara keterlaluan sehingga disamakan dengan Rasulullah SAW. - Mengamalkan al-taqiyyah iaitu menyembunyikan sesuatu yang boleh membahayakan diri atau harta bendanya dengan menampakkan sesuatu yang berbeza dengan hakikat sebenarnya. - Menambah nama Sayyidina Ali dalam syahadah selepas nama nabi Muhammad SAW. 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m</p>

No. Soalan		PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
	(iii)	<p><u>KBAT</u> (Fatwa terhadap fahaman Syiah...)</p> <p><u>Bincangkan implikasi jika Syiah terus berkembang di negara ini.</u></p> <p><u>Cadangan Isi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Negara akan huru-hara. - Ekonomi negara mundur. - Mencemarkan nama negara. - Akidah masyarakat terpesong 	<p>[4 markah]</p> <p>Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m</p>
3	(a)	(i) <p><u>Maksud solat sunat Duha:</u> (Nyatakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Solat sunat yang dilakukan pada waktu antara naik matahari selepas syuruk (1m) / hingga sebelum gelincir matahari (1m). 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>
	(ii)	<p><u>Dua hikmah menunaikan solat sunat Duha:</u> (Terangkan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mendekatkan diri kepada Allah SWT (1m) / bagi meraih kasih sayang daripada Allah SWT.(1m) - Membuktikan ketaatan kepada Allah SWT (1m) / pada setiap masa.(1m) - Mendapat rahmat dan rezeki daripada Allah SWT (1m) / kerana sentiasa bergantung kepada-Nya.(1m) 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m I : 1m H : 1m</p>
	(iii)	<p><u>KBAT</u> (Terdapat segelintir umat Islam menganggap solat sunat Duha mengganggu urusan kerja harian.</p> <p><u>Berikan hujah anda bagi menyangkal tanggapan tersebut:.</u></p> <p><u>Cadangan Isi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Waktu solat sunat Duha mempunyai jarak masa yang panjang untuk dilaksanakan. - Tidak perlu mengambil masa yang panjang untuk menunaikannya. - Mudah dilaksanakan. - Perlu ada keseimbangan antara tugas @ kerja dan ibadah. 	<p>[4 markah]</p> <p>Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m</p>

No. Soalan			PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
3	(b)	(i)	<p><u>Maksud qisas:</u> (Nyatakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hukuman <u>keseksaan</u> yang telah ditetapkan jenis dan bentuk hukumannya secara <u>balasan</u> yang sama (1m) / seperti dalam al-Quran dan al-Sunah / syarak.(1m) 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>
		(ii)	<p><u>Dua jenis kesalahan di bawah hukuman qisas.:</u> (Senaraikan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembunuhan. - Perbuatan yang membawa kepada kecederaan. 	<p>[2 markah]</p> <p>2 isi x 1m</p>
		(iii)	<p><u>Hikmah hukuman jenayah dalam Islam:</u> (Terangkan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menegakkan keadilan dalam kalangan manusia (1m) / agar dapat hidup dengan sejahtera.(1m) - Mendidik dan menghukum bagi sebarang kesalahan dan maksiat yang dilakukan (1m) / supaya mendapat keampunan daripada Allah SWT.(1m) - Menjamin keselamatan, kestabilan dan kedamaian (1m) / bagi masyarakat dan negara .(1m) - Merencanakan pertumbuhan ekonomi (1m) / tanpa bimbang kepada sebarang rampasan dan kecurian.(1m) 	<p>[2 markah]</p> <p>2 isi x 1m I : 1m H : 1m</p>
		(iv)	<p><u>KBAT</u> (Kes bunuh....)</p> <p><u>Mengapakah situasi ini semakin berleluasa. Kemukakan hujah anda.</u></p> <p><u>Cadangan isi :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Lemah iman. - Mudah terpengaruh dengan hasutan syaitan. - Terpengaruh dengan media massa - Terlalu mengejar kebendaan. - Terlalu mengikut perasaan. - Kurang kasih sayang. - Kurang sabar. 	<p>[4 markah]</p> <p>Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m</p>

No. Soalan			PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
4	(a)	(i)	<p><u>Dua sumbangan Abu Jaafar al-Mansur:</u> (Jelaskan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memindahkan pusat pentadbiran dari Damsyik ke Baghdad. - Menaik taraf sistem cukai. - Membina sistem pengairan dan saliran. - Membina masjid al-Sharqiah sebagai pusat aktiviti dakwah. - Membina hospital di Baghdad. - Memperkukuhkan kekuasaan terhadap wilayah Byzantin. 	<p>[2 markah]</p> <p>2 isi x 1m</p>
		(ii)	<p><u>Dua faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyyah dari aspek sosial:</u> (Terangkan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Layanan yang adil daripada khalifah (1m) / dengan menghapuskan penindasan dan perhambaan. (1m) - Kebebasan mengamalkan agama (1m)/ mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat. (1m) - Orang bukan Arab khususnya orang Parsi diberikan peluang memegang jawatan utama dalam pentadbiran negara (1m) / seperti jawatan Perdana Menteri. (1m) 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m</p> <p>I : 1m H : 1m</p>
		(iii)	<p><u>KBAT</u> (Perebutan kuasa dan perang saudara merupakan antara punca kejatuhan kerajaan-kerajaan besar di dunia.)</p> <p><u>Berikan pandangan anda kesan daripada fenomena tersebut kepada negara:</u></p> <p><u>Cadangan Isi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Politik negara menjadi kucar-kacir. - Ekonomi negara mundur. - Negara dipandang rendah. - Kehidupan rakyat sengsara dan susah. 	<p>[4 markah]</p> <p>Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m</p>
	(b)	(i)	<p><u>Dua ketinggian akhlak beliau:</u> (Nyatakan) (Ahmad bin Ibrahim)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Suka menyebarkan ilmu. - Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan. 	<p>[2 markah]</p> <p>2 isi x 1m</p>

No. Soalan		PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
	(ii)	<p><u>Dua karya beliau:</u> (Senaraikan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia - Family Law in Malaysia. - Pelopor Jurnal Hukum. - Sistem Undang-undang di Malaysia - Islamic Law in Malaysia. 	<p>[2 markah]</p> <p>2 isi x 1m</p>
	(iii)	<p><u>Dua institusi pendidikan Prof Dr Ahmad b ibrahim:</u> (Jelaskan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Victoria Bridge School, Singapura. - Raffles Institution, Singapura. - Raffles College, Singapura. - University of Cambridge. 	<p>[2 markah]</p> <p>2isi x 1m</p>
	(iv)	<p><u>Dua iktibar dari ketokohan beliau:</u> (Terangkan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu (1m) / sebagai bukti kecintaan terhadap ilmu .(1m) - Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki (1m) / agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. (1m) - Kita hendaklah berusaha untuk menjadi insan yang lebih berkualiti (1m) / supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara .(1m) - Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah (1m) / agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar.(1m) - Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara (1m)/ supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa. 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m</p> <p>I : 1m H : 1m</p>
5	(a)	<p>(i) <u>Maksud alam sekitar:</u> (Nyatakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup (1m)/ yang terdapat di sekeliling manusia. 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>

No. Soalan		PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
	(ii)	<p><u>Dua hikmah menjaga alam sekitar</u> : (Jelaskan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan - Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa kerana melihat keindahan alam. - Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada wabak penyakit kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar. - Melestarikan alam sekitar yang indah untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang. - Meningkatkan pendapatan kerana melaksanakan aktiviti ekopelancongan. 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m</p>
	(iii)	<p><u>KBAT</u> (Gambar pencemaran sungai...)</p> <p><u>Berdasarkan gambar di atas, mengapakah masalah tersebut masih berlaku .Bincangkan.</u></p> <p><u>Cadangan Isi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Lemah iman. - Kurang didikan ibu bapa sejak kecil. - Tiada kesedaran diri. - Kurang ketegasan / penguatkuasaan daripada pihak berwajib. 	<p>[4 markah]</p> <p>Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m</p>
(b)	(i)	<p><u>Maksud keseimbangan dalam wasatiyyah:</u> (Nyatakan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memenuhi keperluan rohani, jasmani dan akal secara sempurna dalam semua keadaan. 	<p>[2 markah]</p> <p>1 isi x 2m</p>
	(ii)	<p><u>Dua aspek keseimbangan rohani dalam wasatiyyah.:</u> (Jelaskan)</p> <p>Rohani:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melaksanakan ibadah fardu dan sunat dengan istiqamah. - Menghayati al-Quran dan berzikir dengan bersungguh-sungguh. - Melakukan ibadah dengan ikhlas. 	<p>[4 markah]</p> <p>2 isi x 2m</p>

No. Soalan	PERATURAN PEMARKAHAN	Markah
	<p>(iii) <u>KBAT</u></p> <p>(Gambar Dacing - Dunia akhirat...)</p> <p><u>Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda merealisasikan pernyataan dalam gambar di atas? Huraikan.</u></p> <p><u>Cadangan Isi:</u></p> <ul style="list-style-type: none">- Mengamalkan pemakanan sihat dan seimbang supaya dapat beribadat dengan sempurna.- Belajar bersungguh-sungguh tanpa mengabaikan solat.- Menggunakan akal sebaik-baiknya untuk mendalami ilmu agama.	<p>[4 markah]</p> <p>Isi = 1m H = 1m HL = 1m K = 1m</p>

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT